

KATA TEPAT

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

- 1 Ubat ini amat.....untuk sakit gigi.
A hebat
B mujarab
C berperisa
C berkhasiat

- 2 Dia tidak mengharapkan.....atas pertolongannya.
A balasan
B kurniaan
C pemberian
D permintaan

- 3 Aktiviti memburu binatang yang dilindungi perlu dibendung untuk mengelakkan.....nya.
A kematian
B kepupusan
C kehilangan
D kebinasaan

- 4 Perempuan muda itudua baldi air di kiri dan kanan tangannya.
A membimbit
B memegang
C mengandar
D mengangkut

- 5 Ranting-ranting pokok yang menghalang laluan itu telah..... oleh Pak Abu.
A ditakik
B ditebas
C ditebang
D dicantas

- 6 Kenderaan awam yang melalui jalan itu.....beberapa jam akibat kemalangan jalan raya.
A terhenti
B tersekat
C terkandas
D terhumban

- 7 Shashamemikirkan masalah yang dihadapinya.
- A keliru
 - B matang
 - C bingung
 - D bengang
- 8 Setiap orang.....pendapat yang berbeza-beza tentang pelantikan Aizat sebagai ketua murid.
- A menerima
 - B memberikan
 - C mengambil
 - D menyediakan
- 9 Budak lelaki itu dipanggil oleh pengawas kerana..... gula-gula getah semasa berada di dalam kelas.
- A menelan
 - B menggigit
 - C mengerit
 - D mengunyah
- 10 Pegangan agama yang kukuh dapat mengelakkan seseorang daripadake lembah yang hina.
- A terjatuh
 - B terperosok
 - C terjerumus
 - D terhumban
- 11 Pada masa lapang, nelayan itu akan jalanya yang rosak.
- A menyirat
 - B menenun
 - C menjahit
 - D menyulam
- 12 Kak Hasniza berlalu dari situ tanpa tetamu yang datang.
- A melihat
 - B menyapa
 - C mengintai
 - D menjenguk
- 13 Pelari itu sempat air untuk menghilangkan dahaganya.
- A menjilat
 - B meneguk
 - C menuang
 - D menghirup

- 14 Api dengan cepat kerana angin bertiup kencang semasa kebakaran itu.
- A menjilat
 - B membakar
 - C merebak
 - D menyambar
- 15 Mak Odah paha anak bongsunya yang nakal itu.
- A memicit
 - B mencubit
 - C memegang
 - D menggenggam
- 16 Setelah meneliti permohonan daripada Encik Tahir, pegawai itu bersetuju untuk..... permohonan tersebut.
- A melihat
 - B mengadili
 - C mengambil
 - D menimbangkan
- 17 Rancangan hiburan yang menjadi ramai itu tidak lagi ditayangkan di televisyen.
- A kecenderungan
 - B kesukaan
 - C keasyikan
 - D kegilaan
- 18 Rizal dan Razli kerana berebut harta peninggalan ayah mereka.
- A bertumbuk
 - B bercakaran
 - C bertelagah
 - D bergusti
- 19 Tidak mungkin Zaki mendapat ikan kerana.....jala pun dia tak tahu.
- A menyulam
 - B menebar
 - C menjahit
 - D menampal

- 20 Dari jauh kelihatan asap.....dari serombong kapal itu.
- A mengepul
 - B mengarak
 - C mengumpul
 - D membumbung
- 21 Bagi memudahkan memanjat pokok kelapa itu, Amribatangnya dengan parang.
- A menakik
 - B mengerat
 - C menghiris
 - D menggaris
- 22 Kerajaan sentiasa berusaha untukkemiskinan tegar dalam kalangan rakyatnya.
- A menghalang
 - B membuang
 - C membasmi
 - D membaiki
- 23 Bangunan yanglangit itulah yang menjadi kebanggaan Malaysia.
- A menjangkau
 - B menyentuh
 - C memegang
 - D mencapai
- 24 Orang ramaimelihat persembahan ahli silap mata itu.
- A tercabar
 - B terpegun
 - C tergoda
 - D terharu
- 25 Murid-murid Cikgu Jamal membuat.....sebelum mewarnai lukisan itu.
- A contengan
 - B lakaran
 - C gurisan
 - D garisan

- 26 Kerja-kerja.....padi daripada tangkainya dilakukan dengan menggunakan mesin.
A menanggalkan
B memencilkan
C meleraikan
D menjauhkan
- 27 Tanah di tebing sungai itu makin lama makin.....
A sebu
B pupus
C malap
D mendap
- 28 Kumpulan pengakap yang keletihan itu.....setelah tiba di puncak bukit.
A melepoh
B melepek
C melepet
D melepuh
- 29 Strategi.....budaya lepak dalam kalangan remaja akan dibincangkan dalam mesyuarat itu.
A menyekat
B menangani
C menghapuskan
D menghentikan
- 30 Si Tompokdaun pintu kerana hendak keluar.
A mengais
B mengorek
C mencakar
D mengambus
- 31 Beliau memberikankepada remaja supaya aktif dalam bidang sukan.
A paksaan
B galakan
C bantuan
D sokongan
- 32 Bagi murid-murid yang rajin dan ada.....mereka akan mencapai cita-cita.
A kebolehan
B kemahuan
C keinginan
D kelemahan

- 33 “Daging ini hendaklah.....sehingga lumat, “ kata ibu kepada Suzana.
- A ditetak
 - B diiris
 - C dikerat
 - D dicincang
- 34 Pasukan kami akan mengikuti ekspedisi.....hutan belantara.
- A meredah
 - B memintas
 - C merempuh
 - D meneroka
- 35 Posmen itusepucuk surat kepada Hazlina.
- A menyerahkan
 - B meletakkan
 - C melepaskan
 - D mengeluarkan
- 36 Seekor rama-rama sedangmadu bunga itu.
- A menjilat
 - B menghirup
 - C menghisap
 - D meneguk
- 37 Dia berjalan dengan hati-hati di atas batas supaya tidak.....ke dalam sawah.
- A terjerumus
 - B tertolak
 - C terjerut
 - D terjunam
- 38 Penduduk kampung bergotong-royong untuk membetulkan rumah yang
- A bongkok
 - B bengkok
 - C senget
 - D serong

- 39 Minyak kelapa yang sudah.....itu dibuang oleh ibu.
- A hanyir
 - B tengik
 - C masam
 - D basi
- 40 Nasi yang dimasaknya hangit kerana.....menonton video.
- A leka
 - B minat
 - C cuai
 - D khusyuk
- 41 Saya suka akan keropok ikan yang.....dan enak itu.
- A rapuh
 - B gembur
 - C empuk
 - D rangup
- 42 Wajahnya.....setelah seminggu sakit.
- A pudar
 - B pucat
 - C layu
 - D sayu
- 43 Encik Jasman bekerja sebagai.....di firma guaman itu.
- A juruacara
 - B juruhebah
 - C jurubahasa
 - D juruulas
- 44 Pihak polis telah.....tiga orang pemuda yang menculik Azmil.
- A mengikat
 - B merampas
 - C memberkas
 - D membungkus
- 45 Budak itu belum bersekolah tetapi sudah.....membaca.
- A petah
 - B cepat
 - C bagus
 - D lancar

- 46 Sepakannya kencang tetapi sering.....dari pintu gol.
- A terlencong
 - B tersenget
 - C terbabas
 - D tersasar
- 47 Bakal-bakal haji.....selama dua jam kerana perubahan jadual perjalanan.
- A tersekat
 - B terhenti
 - C tertunggu
 - D terkandas
- 48 Juruacara majlis memulakan ucapannya dengan beberapapantun.
- A baris
 - B rangkap
 - C petikan
 - D perenggan
- 49 Kemalangan di jalan utama itu telah menyebabkan kenderaan yang melalui jalan itu.....
- A tersekat
 - B terkandas
 - C terhumban
 - D terperangkap
- 50 Semua harta benda mereka.....dalam kebakaran itu.
- A ranap
 - B remuk
 - C hancur
 - D musnah
- 51 Pengajaran guru akan lebih berkesan jika.....oleh rakaman video.
- A disusuli
 - B dijalani
 - C didasari
 - D diperolehi
- 52 Pak Hamidpohon kekabu di belakang rumahnya.
- A membajak
 - B menebang
 - C mengayuh
 - D mendayung

- 53 Banyak murid yangdalam ujian pemilihan itu.
- A tersekat
 - B terhenti
 - C terkandas
 - D terhalang
- 54 Pohon kelapa yang tumbang itu.....kandang kambing.
- A menghantuk
 - B menghentak
 - C menghempas
 - D menghempap
- 55 Jika.....hutan dikawal,hakisan tanah dapat dielakkan.
- A penghapusan
 - B pembersihan
 - C pembasmian
 - D penerokaan
- 56 Dulang tembaga itu kelihatan.....kerana sudah lama tidak digilap.
- A pucat
 - B kusam
 - C suram
 - D kelam
- 57 Perdana Menteri menyatakan bahawa keadaan ekonomi negara kita masih.....
- A kuat
 - B padu
 - C padat
 - D kukuh
- 58 Ketika cuaca baik, keindahan alam di puncak bukit itu.....
- A ternampak
 - B tergambar
 - C terserlah
 - D tersebar
- 59 Encik Ismail terpaksa.....pelbagai cabaran sebelum berjaya dalam perniagaannya.
- A menjalani
 - B mendalami
 - C mengharungi
 - D menyelubungi

60yang dialaminya tidak melemahkan semangatnya untuk terus mengejar penyeluk saku itu.

- A Kemusnahan
- B Kecelakaan
- C Ketenatan
- D Kematian



JAWAPAN KATA TEPAT

BIL	ABJAD	JAWAPAN	BIL	ABJAD	JAWAPAN	BIL	ABJAD	JAWAPAN
1	B	mujarab	21	A	menakik	41	D	rangup
2	A	balasan	22	C	membasmi	42	B	pucat
3	B	kepupusan	23	A	menjangkau	43	C	jurubahasa
4	A	membimbit	24	B	terpegun	44	C	memberkas
5	D	dicantas	25	B	lakaran	45	D	lancar
6	C	terkandas	26	C	meleraikan	46	D	tersasar
7	C	bingung	27	D	mendap	47	D	terkandas
8	B	memberikan	28	B	melepek	48	B	rangkap
9	D	mengunyah	29	B	menangani	49	B	terkandas
10	C	terjerumus	30	C	mencakar	50	D	musnah
11	A	menyirat	31	B	galakan	51	A	disusuli
12	B	menyapa	32	B	kemahuan	52	B	menebang
13	B	meneguk	33	D	dicincang	53	C	terkandas
14	C	merebak	34	A	meredah	54	D	menghempap
15	B	mencubit	35	A	menyerahkan	55	D	penerokaan
16	D	menimbangkan	36	C	menghisap	56	B	kusam
17	D	kegilaan	37	A	terjerumus	57	D	kukuh
18	C	bertelagah	38	C	senget	58	C	terserlah
19	B	menebar	39	B	tengik	59	C	mengharungi
20	A	mengepul	40	A	leka	60	B	kecederaan